

# Abdul Rahim Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia

**Kuala Lumpur:** Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi), Agensi Nuklear Malaysia, Dr Abdul Rahim Harun dilantik sebagai ketua pengarah baharu agensi itu, berkuat kuasa Isnin lalu.

Unit Komunikasi Agensi Nuklear Malaysia dalam satu kenyataan semalam, memaklumkan pelantikan Abdul Rahim bagi menggantikan Dr Siti A'iasah Hashim yang bersara pada 1 Januari lalu, dibuat berdasarkan kelayakan, pengalaman dan pengetahuan beliau khususnya dalam bidang penyelidikan teknologi nuklear.

Ia bagi membolehkan Abdul Rahim menerajui kepemimpinan agensi terbabit seterusnya menerus kecemerlangan bagi mencapai matlamat kemajuan pembangunan dan penyelidikan.

Abdul Rahim mendapat pendidikan Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 1988; Ijazah Sarjana 'Applied Genetics'

University of Birmingham, United Kingdom pada 1998 dan ijazah kedoktoran bidang genetik di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 2010.

Sementara itu, Dr Rosli Darmawan pula dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah bagi Program Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi agensi berke-

naan, berkuat kuasa Isnin lalu.

Beliau lulus Ijazah Pertama Kejuruteraan Mekanikal dari University of The Pacific, AS pada 1990 dan ijazah kedoktoran bidang sama daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 2015.



*Abdul Rahim Harun*